





Pekerja ladang menangkap ikan di kawasan tebing Sungai Kinabatangan.



Buaya di Sungai Kinabatangan.



Bila usaha perlindungan membawa kepada ancaman

# Populasi buaya perlu dikawal

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR  
aileenkucheen@yahoo.com

**S**IAPA sangka, walaupun digelar reptilia pemangsa yang sangat berkuasa di air malah mungkin juga di darat, buaya juga tidak terlepas dari masalah kepupusan atau ancaman sama ada berpunca dari faktor semulajadi atau kerana angkara manusia.

Namun, jika populasinya bertambah tanpa usaha pengawalan, situasi ini akan menimbulkan ancaman terhadap hidupan lain, terutamanya manusia.

Justeru, bertempat di Hotel Hyatt Regency Kota Kinabalu, Jabatan Hidupan Liar Sabah dengan kerjasama IUCN-Crocodile Specialist Group telah menganjurkan Bengkel Antarabangsa Konflik Manusia-Buaya yang telah dirasmikan oleh Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Datuk Masidi Manjun.

Bengkel yang dilaksanakan pada 23 hingga 25 Jun lepas itu telah berjaya mengumpulkan pakar, pengkaji dan penternak buaya dari Brunei, Filipina, Jepun dan Australia, selain negeri jiran, Sarawak dan wakil tuan rumah, Sabah.

Bertujuan menyediakan platform forum untuk membincangkan dan memperbaharui maklumat mengenai isu pemuliharaan dan pengurusan buaya *Crocodylus porosus* di rantau Pan Borneo, bengkel ini telah berjaya mengumpul pelbagai idea dalam merealisasikan usaha itu.

Selain itu, tujuan bengkel ini adalah untuk menyediakan pendekatan dan cadangan berkaitan pemuliharaan dan pengurusan, menyelesaikan konflik manusia-buaya dan amalan mapan untuk masa depan buaya di Sabah.

Bertemakan 'Crocodile Conservation Through Sustainable Use', program selama dua hari setengah itu menyaksikan para pesertanya memberikan pelbagai pandangan dan berkongsi situasi semasa di kawasan masing-masing untuk mencari penyelesaian yang bersifat menyeluruh.

Menurut Jabatan Hidupan Liar Sabah, lebih kurang seratus tahun dahulu, kira-kira 200 ekor buaya diburu setiap bulan di bahagian

Pantai Timur negeri ini dengan kerajaan British memberikan ganjaran sehingga 1932.

Aktiviti memburu semakin rancak sehingga 40 tahun lampau menyebabkan kerajaan negeri mewujudkan perlindungan undang-undang terhadap reptilia itu pada 1982 apabila haiwan itu dilihat mula diancam kepupusan.

Dalam tempoh dua dekad, jumlahnya meningkat sepuluh kali ganda dengan anggaran dari 13,000 kepada 15,000 ketika ini, menjadikan wujudnya konflik antara manusia yang menggunakan sungai untuk menangkap ikan selain memenuhi keperluan harian.

Bengkel berkenaan mendapat sokongan penuh daripada Danau Girang Field Centre, Cardiff University, Sandakan, Taman Buaya Tawau, Borneo Crocodile Centre serta Toyo Leather Corporation dan Seisa University, Jepun.

## PERLUKAN KESINAMBUNGAN PERANCANGAN

Pengerusi Kesatuan Antara untuk Pemuliharaan Alam Semulajadi (IUCN)-SSC Crocodile Specialist Group, Profesor Grahame Webb berkata ia merupakan cabaran besar untuk memulihara buaya air masin yang saiznya boleh mencapai enam meter dengan beratnya melebihi satu tan.

"Unsur negatif utama buaya adalah sifat pemangsa yang menyerang manusia dan haiwan ternakan, dan haiwan ini dilihat sebagai

“Dalam tempoh dua dekad, jumlahnya meningkat sepuluh kali ganda dengan anggaran dari 13,000 kepada 15,000 ketika ini, menjadikan wujudnya konflik antara manusia yang menggunakan sungai untuk menangkap ikan selain memenuhi keperluan harian.”



Sebahagian daripada peserta bengkel.

pesaing kepada manusia untuk mendapatkan makanan.

"Namun demikian, walaupun manusia biasa dengan istilah pemuliharaan, tetapi tiada siapa yang memberi perhatian kepada sesuatu mereka tidak melihatnya sebagai sesuatu yang positif," katanya.

Menurut Webb, apabila populasi buaya berkurangan di beberapa negeri, perlindungan perlu dilaksanakan dan langkah drastik berkenaan dilaksanakan tanpa ada program kedua sebagai persediaan untuk berhadapan kemungkinan sekiranya jumlah itu meningkat.

"Masalah ini belaku apabila usaha pemuliharaan

yang pada awalnya untuk memperbanyakkan populasi membawa kepada perlunya pelan pengurusan kedua untuk mengawal populasi itu yang semakin berleluasa dan tidak dipedulikan.

"Kita perlu belajar dari pengalaman. Jika usaha perlindungan berjaya, perlu ada cara untuk mengawal populasi itu," katanya.

Webb berkata, program pengurusan harus diwujudkan namun ia tidak boleh sewenang-wenangnya dilaksanakan dari satu negara ke negara lain kerana perlu mematuhi faktor sosio-budaya dan ekonomi sesuatu negara atau negeri.

Katanya, untuk memastikan kejayaan usaha pemuliharaan dalam jangka masa panjang, mereka harus fleksibel dalam melakukan

adaptasi dan pengetahuan baru, sekali gus memastikan masyarakat mendapat manfaat daripada reptilia ini.

## BUNUH BUAYA ADALAH TABOO

Bagi Pengurus Besar, Pemuliharaan Bioiversiti dan Kawasan Dilindungi Perbadanan Perhutanan Sarawak (SFC), Wilfred Landong, manusia dan buaya akan terus wujud dan keadaan ini memerlukan usaha pendidikan, inventori sumber dan perundangan dalam usaha menguruskannya.

Di Sarawak sendiri jelasnya, terdapat 22 batang sungai dan populasi buaya dilihat wujud di setiap sungai berkenaan. Katanya,

terdapat beberapa faktor yang menyebabkan populasi buaya ini tidak 'diganggu' manusia.

"Masyarakat tempatan berpegang kepada pantang larang bahawa mereka tidak boleh membunuh buaya jika ia ditangkap, upacara membakar bangkainya dilaksanakan diikuti beberapa ritual lain untuk mengelakkan semangat buaya itu menghantui mereka," katanya.

## SUNGAI TERCEMAR PUNCA SERANGAN

Bagi Sabah sendiri, Timbalan Pengarah Jabatan Hidupan Liar Sabah, Augustine Tunga berkata strategi jangka panjang diperlukan untuk memulihara dan mengurus populasi buaya di negeri ini yang telah menyebabkan 23 terkorban sejak sepuluh tahun lalu.

"Kawasan tebing sungai yang sudah dibersihkan, bahan kimia pertanian dan sisa organik menyebabkan berkurangnya sumber makanan untuk buaya yang menyebabkan haiwan ini menjadikan apa sahaja hidupan yang menghampiri sumber air itu sebagai makanan," katanya.

Penyataan beliau itu disokong oleh penjelasan yang diberikan oleh seorang penyelidik dari Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Prof Madya Dr. Abdul Hamid Ahmad dari UMS menjelaskan pencemaran sungai yang berpunca dari pembangunan atau pembukaan tanah tidak terancang memberi kesan negatif kepada biologi sungai dan ini akan mengurangkan populasi ikan yang menjadi makanan mereka.

"Sebagai contoh, Sungai Kalabakan dikelilingi ladang kelapa sawit tetapi masih terdapat buaya di kawasan berkenaan," katanya yang turut terlibat dalam beberapa kajian melibatkan buaya di Pantai Timur dan Barat negeri ini.

Beliau yang juga Pengarah Institut Biologi



AUGUSTINE



WILFRED



DR ABDUL HAMID

Tropika dan Pemuliharaan (IBTP) UMS berkata, daripada kajian yang telah dijalankan, didapati bahawa pencemaran memberi impak besar kepada buaya apabila ia berkaitan dengan makanan namun di beberapa tempat, reptilia ini menerima kesan yang sedikit daripada sungai yang difikirkan tercemar.

"Tetapi, kita memerlukan kajian yang berterusan untuk usaha pemuliharaan buaya ini, selain masih banyak sungai di negeri ini yang memerlukan pemantauan," katanya yang turut mencadangkan agar usaha pengurusan sistem bekalan air yang lebih baik disediakan untuk penduduk pedalaman agar mereka tidak perlu berhadapan risiko diserang buaya hanya kerana mahu mendapatkan sumber air bagi kegunaan harian.



ALBUM... Masidi (lima dari kiri), Grahame (lima dari kanan), Pengarah Jabatan Hidupan Liar Sabah, Dr Laurentius Ambu (empat dari kiri) bergambar bersama sebahagian peserta bengkel.